

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi bagi Program Bidang Komputeran

[Surat Makluman MQA Bil. 1/2026 bertarikh 7 Januari 2026]

Ringkasan ketetapan

- i. Lembaga Teknologis Malaysia (*Malaysia Board of Technologist*, MBOT) telah mengeluarkan Surat Pemakluman berkaitan Keperluan Akreditasi MBOT bagi Program yang Diakreditasi oleh Badan Penandatanganan Lain di Bawah Seoul Accord bertarikh 26 Ogos 2025. Intipati surat berkenaan telah menetapkan program sarjana muda dalam bidang *Computing & IT-related* yang ditawarkan di Malaysia tidak boleh diakreditasi secara *unilateral* oleh badan penandatanganan lain sebelum terlebih dahulu memperoleh akreditasi daripada MBOT. Perkara ini bertujuan memastikan bahawa pengiktirafan di bawah Seoul Accord mencerminkan kepercayaan bersama dalam kalangan badan penandatanganan, tanpa menjejaskan kuasa badan akreditasi profesional tempatan.
- ii. Justeru, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang ingin mengemukakan permohonan penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi program bidang komputeran dibenarkan untuk membuat pilihan sama ada penilaian dilakukan oleh MQA berdasarkan Standard Program: Komputeran, atau penilaian oleh MBOT selaras dengan surat makluman MQA Bil. 5/2017 yang memperincikan permohonan Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh program bidang teknologi untuk pengiktirafan MBOT yang perlu dikemukakan melalui MQA.
- iii. Kedua-dua laluan penilaian tersebut adalah setara dan program yang dianugerahkan status Akreditasi Penuh akan didaftarkan serta disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR) mengikut tatacara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- iv. Surat makluman ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- v. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Fakulti Kejuruteraan (FK) atau fakulti/sekolah lain yang menawarkan program sarjana muda dalam bidang pengkomputeran perlu merujuk kepada ketetapan MQA dan MBOT ini.
- vi. Fakulti/Sekolah berkaitan juga diminta berhubung dengan pihak MBOT untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung Seoul Accord sekiranya ingin mendapatkan akreditasi tambahan daripada badan-badan antarabangsa lain yang menandatangani perjanjian Seoul Accord.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
1 Februari 2026